

21/02/2003

Polis pastikan sidang selamat

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) mengambil kira semua pandangan dalam meningkatkan tahap keselamatan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi memastikan Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang bermula semalam, berjalan lancar.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat, berkata PDRM juga mengambil kira nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung aspek keselamatan di lokasi persidangan dan tempat penginapan delegasi.

Pada masa yang sama, pihak berkuasa turut memenuhi permintaan delegasi yang menyertai sidang kemuncak ini.

"Di mana-mana juga persidangan pun pasti akan ada permintaan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kita sentiasa melakukannya mengikut yang dikehendaki bagi memastikan delegasi datang berpuas hati.

"Persetujuan ramai pemimpin negara NAM untuk datang ke sini, jelas membuktikan mereka meyakini usaha kita memastikan keselamatan," katanya selepas mendengar taklimat mengenai persediaan keselamatan sempena NAM di PWTC, semalam.

Taklimat itu diberikan Komander Operasi Keselamatan dan Trafik yang juga Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Mohd Sedek Ali. Selepas itu, Aseh turut meninjau kawalan di pusat media antarabangsa.

Aseh berpuas hati dengan persediaan dari aspek keselamatan dan logistik yang disediakan PDRM bagi memastikan kelancaran perjalanan persidangan berkenaan.